

(19)

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL. XX/2007
PENGURUSAN PENYELENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN NEGERI.**

1. Tujuan.

Penetapan peraturan dan prosedur penyelenggaraan kenderaan kerajaan negeri

- 1.1 Semua urusan yang berkaitan dengan pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan kerajaan negeri hendaklah dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya.
- 1.2 Semua kenderaan kerajaan negeri yang memerlukan pembaikan atau penyelenggaraan hendaklah dihantar kepada Jabatan Kerja Raya.

2. Latarbelakang.

- 2.1 Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri yang bermesyuarat pada 26hb.Mac 2006 telah bersetuju pada dasarnya untuk menerima pakai cadangan yang dikemukakan oleh Jabatan Kerja Raya yang antara lain menawarkan kesediaan untuk mengambilalih tanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan kenderaan kerajaan negeri. Persetujuan cadangan tersebut adalah berdasarkan bukan sahaja dilihat dari segi penjimatan perbelanjaan kewangan kerajaan tetapi sebagai usaha untuk menggunakan sepenuhnya ruang serta kemudahan bengkel dan kepakaran tenaga kerja yang ada di jabatan kerja raya sabah.

3. Rasional Pelaksanaan Prosedur Baru.

Keputusan kerajaan untuk memberikan kepada jabatan kerja raya tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan kerajaan adalah berdasarkan kepada keyakinan bahawa jabatan kerja raya mempunyai kesanggupan dari segi tenaga teknikal, kelengkapan perkakas asas bengkel yang diperlukan di setiap daerah dan telah bersedia untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan mengikut mutu dan kualiti penyelenggaraan yang diharapkan oleh kerajaan. Ini juga adalah sehaluan dengan usaha dan matlamat kerajaan negeri bukan sahaja untuk mengurangkan kos penyelenggaraan tetapi juga perbelanjaan pengurusan kenderaan kerajaan pada keseluruhannya. Matlamat kerajaan melaksanakan peraturan serta prosedur baru ini juga adalah untuk membawa kepada perubahan dan manfaat seperti berikut:-

- 3.1 Kualiti kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan kenderaan kerajaan negeri akan lebih terkawal dan kekerapan berlaku kerosakan akan dapat dikurangkan.
- 3.2 Penjimatan kerajaan dari segi kos dan masa apabila semua urusan yang melibatkan penyelenggaraan kenderaan dikendalikan oleh jabatan kerja raya sahaja.
- 3.3 Sumber-sumber kerajaan yang sedia ada di jabatan kerja raya di seluruh sabah seperti tenaga pekerja mekanikal, ruang dan kemudahan – kemudahan serta peralatan bengkel akan dapat digunakan dengan sepenohnya.
- 3.4 Pengujudan sumber-sumber pendapatan lain kepada Tabung Amanah Sewa Loji K88.

4. Prosedur Penyelenggaraan (Jadual 1)

- 4.1 Semua permohonan bagi urusan pembaikan/penyelenggaraan kenderaan kerajaan daripada semua kementerian/ jabatan dan agensi kerajaan negeri hendaklah dikemukakan kepada pejabat Jabatan Kerja Raya.
- 4.2 Jabatan Kerja Raya adalah bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan kerosakan dan membuat keputusan mengenai urusan pengendalian kerja-kerja pembaikan yang diperlukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- 4.3 Jabatan Kerja Raya boleh menggunakan khidmat kepakaran bengkel swasta yang diiktiraf oleh kerajaan bagi pembaikan kerosakan sistem-sistem yang memerlukan kepakaran khusus dan benar-benar diluar keupayaan kemahiran tenaga pekerja jabatan.
- 4.4 Jabatan Kerja Raya hendaklah memastikan setiap alat-alat yang dipasang adalah 'Genuine Parts' dan mempunyai jaminan kualiti mutu daripada syarikat pembekal atau pemegang francais.
- 4.5 Jabatan Kerja Raya hendaklah menyediakan semua kelengkapan dari segi perkakas dan peralatan bengkel yang perlu di setiap daerah dan termasuk memastikan tenaga pekerja teknikal yang sesuai mencukupi untuk menghadapi tanggungjawab tersebut.

5. Jenis-Jenis Kenderaan.

- 5.1 Semua jenis kenderaan kerajaan pacuan empat roda (Toyota Landcruiser, Fortuner, Hilux, Nissan Frontier, Ford Everest dan lain-lain.) tetapi tidak termasuk kenderaan kepunyaan Syarikat Angkatan Hebat Sdn Bhd.
- 5.2 Semua jenis pick up, van dan lori ringan berat muatan dibawah enam (6) tan.
- 5.3 Semua jenis kenderaan pacuan empat roda yang bakal dibeli oleh kerajaan pada masa akan datang selain daripada jenis kenderaan yang telah disebutkan pada para 5.1

6. Peruntukan Membiayai Perbelanjaan Penyelenggaraan

- 6.1 Semua kementerian/jabatan /agensi kerajaan hendaklah mengemukakan peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya pada setiap awal tahun untuk membiayai kos penyelenggaraan kenderaan masing-masing.
- 6.2 Jabatan Kerja Raya adalah bertanggungjawab untuk membuat anggaran jumlah peruntukan yang perlu dikemukakan oleh setiap kementerian/jabatan /agensi pada awal setiap tahun.

7. Bayaran-Bayaran Dikenakan

- 7.1 **Kadar caj perkhidmatan** yang ditetapkan keatas setiap kad kerja penyelenggaraan oleh jabatan kerja raya adalah berdasarkan 10% daripada jumlah harga alat-alat ganti dan bahan-bahan 'consumables' yang diguna.
- 7.2 **Kadar caj penggunaan tenaga kerja (Lc)** mengikut formula berikut:-

$$Lc = (G \times M \times T) / (H \times J)$$

Lc - Kadar Caj Penggunaan Tenaga Kerja

G - Gaji Pokok dan elaun-elaun maksimum seorang Tukang K2 pada Gred R11

M - Bilangan pekerja diperlukan

T - Anggaran tempoh penyiapan dalam unit jam

H - Purata bilangan hari bekerja dalam sebulan = 22 hari

J - Purata tempoh bekerja dalam sehari = 8 jam

Nota: Anggaran tempoh penyiapan ditentukan oleh pihak JKR;

8. Perkara-Perkara Am

- 8.1 Semua Kementerian/Jabatan /agensi hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Jabatan Kerja Raya bagi setiap permintaan bantuan penyelenggaraan kerosakan kenderaan masing-masing.
- 8.2 Kementerian/Jabatan /agensi adalah bertanggungjawab untuk menyimpan rekod butiran setiap pembaikan/penyelenggaraan kenderaan dan termasuk merekod butir kos ke dalam kad inventori Daftar Harta Modal Kew 312.
- 8.3 Jabatan Kerja Raya adalah bertanggungjawab untuk menyediakan laporan bulanan ringkasan kerja pembaikan/penyelenggaraan yang dijalankan dan mengemukakan laporan berkenaan kepada Kementerian/Jabatan/agensi yang terlibat dan juga mengemukakan satu salinan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod/rujukan.
- 8.4 Jabatan Kerja Raya hendaklah memastikan setiap kerja penyelenggaraan dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan serta mematuhi arahan-arahan kerajaan yang akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

9. Tarikh Berkuatkuasa

Syarat-syarat dalam surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.